

29 OCT 2003

Syed Razak-Mahathir

DR MAHATHIR ENGGAN TERIMA TANAH HADIAH KERAJAAN NEGERI

ALOR STAR, 29 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad enggan menerima sebidang tanah yang dihadiahkan oleh Kerajaan negeri sebagai

mengenang jasanya sebagai Perdana Menteri dan juga anak watan Kedah.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain berkata, Dr Mahathir

enggan menerima tanah tersebut bukan bermakna dia tidak sudi tetapi ingin

membelinya jika dia mahu memiliki tanah di negeri ini.

"Dia (Mahathir) kata tak payah bagi tanah kat dia, sebab Kedah negeri

miskin dan kalau dia nak tanah dia akan beli dengan wang sendiri," katanya

kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan exco di sini, hari ini.

Beliau berkata, tanah tersebut kalau diterimanya selepas persaraannya

nanti adalah cuma sebagai penghargaan terhadap sumbangan Dr Mahathir terhadap pembangunan di negeri ini.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan negeri tetap bercadang untuk menganjurkan satu majlis bagi mengenang jasa Dr Mahathir apabila beliau

pulang ke negeri ini selepas persaraannya nanti.

Katanya, kerajaan negeri mungkin akan menganjurkan satu majlis jamuan

makan bersama-samanya setelah dia tiba di Kedah nanti.

Syed Razak berkata, setakat ini kerajaan negeri belum mendapat sebarang

maklumat mengenai kepulangan Dr Mahathir ke negeri ini setelah menyerahkan

kepemimpinannya kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi Jumaat ini.

Sementara itu, Syed Razak yang mewakili rakyat Kedah mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr Mahathir di atas

jasanya sebagai pemimpin negara yang turut memainkan peranan dalam pembangunan di negeri ini.

Rakyat negeri ini masih memerlukan sumbangan Dr Mahathir dalam sebarang

bentuk untuk pembangunan ekonomi dan politik Kedah dan akan terus menghulurkan sumbangan itu walaupun tidak lagi sebagai Perdana

Menteri,

katanya.

Katanya, pucuk pimpinan parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) di

negeri ini juga turut menawarkan Dr Mahathir sebagai penasihat pilihan raya BN negeri pada pilihan raya umum akan datang bagi memastikan kemenangan BN.

Syed Razak juga turut mengucapkan tahniah kepada Abdullah yang bakal dilantik sebagai Perdana Menteri pada 31 Oktober nanti dan yakin kepimpinannya nanti akan turut meneruskan kesinambungan di atas pembangunan di negeri ini.

-- BERNAMA

MNH BK